

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	29/8/2017

Najib rasmi ikon baharu tarikan pelancongan ke Kuala Lumpur

Projek RoL, Kolam Biru

um-29/8/2017 pg. 2

Oleh AZRUL HAKIMIE ANUER
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 28 OGOS

DATUK Seri Najib Tun Razak berkata, projek *River Of Life* (RoL) dan projek Kolam Biru bakal menjadi ikon baharu kepada bandar raya Kuala Lumpur dalam memeriahkan lagi industri pelancongan di negara ini.


Perdana Menteri berkata, sungai merupakan sebahagian daripada warisan serta sejarah negara dan sudah menjadi kewajipan kepada pemimpin untuk menjaganya demi masyarakat kini serta generasi akan datang.

"Saya yakin di sinilah akan menjadi satu lagi produk pelancongan di mana saya dapat membayangkan akan ramai pelancong asing bersiar-siar pada waktu malam.

"S inilah kita akan jadinya sebagai suatu daya tarikan ikon untuk Kuala Lumpur. Kita dapat lihat air sungai yang coklat pada siang harinya bertukar biru pada waktu malam," katanya ketika berucap melancarkan projek RoL atau Sungai Nadi Kehidupan dan projek Blue Pool di Masjid Jamek Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur malam ini.

RoL yang mula menjalani proses pembinaan pada tahun 2011 adalah projek permulaan Greater Kuala Lumpur di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) bertujuan mentransformasikan Sungai Klang dan Sungai Gombak menjadi kawasan pinggir sungai berdaya maju serta memiliki nilai ekonomi tinggi.

Kerja-kerja pembersihan sungai yang menjadi skop utama projek tersebut menelan belanja sebanyak RM3.4 bilion dan meliputi lapan sungai iaitu Sungai Gombak, Sungai Batu, Sungai Jinjang, Su-



NAJIB TUN RAZAK bersama isteri, Rosmah Mansor sambil diiringi Tengku Adnan Tengku Mansor melihat sungai ketika pelancaran *River of Life* dan projek Kolam Biru berdekatan Masjid Jamek Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur, malam tadi. - UTUSAN/SURIYA BONMA

River of Life (RoL)

Sehingga Ogos 2017 siap
72% pembinaan.

Dijangka siap sepenuhnya
pada 2020.

Menaik taraf kualiti air sungai
sepanjang **110 kilometer.**

Melibatkan **8 sungai.**

Pengindahan 10.7 kilometer
sepanjang tepian
**Sungai Klang dan
Sungai Gombak.**

Melibatkan
pembinaan 11 presint.
tiga sudah siap sepenuhnya baki
yang lain siap menjelang 2020.

Kawasan diperindahkan di
Presint 7 iaitu **Masjid Jamek
Sultan Abdul Samad, Bangunan
Sultan Abdul Samad, Pasar Seni,
Leboh Pasar Besar, Gereja Besar
St. Mary & Count Down Clock.**

ngai Keroh, Sungai Bunus, Sungai Ampang, Sungai Klang dan Sungai Keroyong sepanjang 110 kilometer.

Projek Kolam Biru pula merupakan pertunjukan air pancut diiringi pantulan cahaya lampu berwarna-warni mengikut irama muzik adalah ikon baharu kepada Kuala Lumpur hasil cetusan idea Perdana Menteri yang mahu mengoptimalkan potensi ka-

wasan tersebut sebagai penggerak ekonomi negara dan menarik lebih ramai pelancong.

Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa; Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor serta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan

Junaidi Tuanku Jaafar.

Hadir sama, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak dan Pengarah Eksekutif Eko River Construction, Tan Sri Lim Kang Hoo.

Perdana Menteri berkata, imej

Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya yang sibuk dan sesak semakin terhakis saban hari ekoran daripada kejayaan kerajaan memperkasakan sistem pengangkutan awam.

Jelas beliau, perkara itu telah meningkatkan indeks 'keselesaan' Kuala Lumpur yang kini sebanding dengan bandar raya utama dunia yang lain.